

**TEKS UCAPAN PEMERINTAH ANGKATAN BERSENJATA**  
**DIRAJA BRUNEI SEMPENA MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS**  
**PADA 1 SEPTEMBER 2020**



Alhamdulillah Rabbil a'lamín.....

Yang Mulia Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Ketua Staf Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Ketua Unit Inspektorat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Sarjan Mejar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, para isteri dan seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Peramba/Saya hormati sekalian,

Assalamualaikum warrah matuAllahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan kuasanya jua kita dapat berkumpul pada hari ini bagi Majlis Serah Terima Tugas Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Peramba/Saya, dengan rasa rendah diri dan penuh hormat serta takzim, sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di atas kepercayaan dan titah perkenan bagi Peramba/Saya menerajui tampuk kepimpinan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Peramba/Saya berdoa agar Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa memberikan petunjuk dan berikrar untuk mengangat amanah ini dengan sebaiknya, InsyaAllah.

Di kesempatan ini, Peramba/Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Mulia Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud yang telah memberikan sumbangan yang signifikan selama beliau berkhidmat di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Peramba/Saya mewakili seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berdoa agar Yang Mulia Pengiran Dato dan keluarga sentiasa di dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Peramba/Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua mantan Pemerintah ABDB yang lalu yang mana mereka ini juga telah memainkan peranan dalam melakar hala tuju ABDB pada masa ini. Selain dari itu, Peramba/Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setingginya kepada semua peringkat anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, atas kerjasama, komitmen dan pengorbanan yang telah dicurahkan dalam sama-sama menjaga dan memelihara keamanan dan kedaulatan negara.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

Pertahanan Negara dan juga institusi pertahanan merupakan *public good*. Seperti lazimnya di mana-mana negara, untuk menjaga keamanan bukanlah percuma manakala harga keamanan adalah *priceless*. Untuk meraih keamanan, setentunya memerlukan komitmen sumber yang besar dari kerajaan. Sebagai sebuah institusi pertahanan, kita hendaklah sentiasa membuat *self-reflection* akan tujuan kewujudan ABDB dan peranan kita sebagai warga ABDB. Ianya bukan hanya sekadar pekerjaan tapi satu pengorbanan yang murni demi menjaga dan mempertahankan Raja, Agama dan Negara yang kita cintai.

Dalam konteks Islam pula, kewujudan ABDB adalah amalan fardhu yang dituntut dan kita sebagai warga ABDB memainkan peranan penting dalam menyahut keperluan syariat tersebut. Sebagai sebuah negara yang mensyiarkan agama Islam, Peramba/Saya ingin menyeru seluruh anggota untuk memahami akan peranan Angkatan Bersenjata di dalam konteks lima prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Ianya bukan sahaja sebagai sebutan tetapi ianya haruslah diinstitusikan dan ini termasuk melakar *leadership model* yang bersandarkan kepada Maqasid Syariah dan digabungkan dengan *leadership traits* yang sudah sehati dengan ABDB.

Di sepanjang perkhidmatan di ABDB, apabila Peramba/Saya menjawat jawatan baru, Peramba/Saya selalu bertanyakan diri sendiri, 'Apakah pembaikan atau peningkatan yang Peramba/Saya hasratkan dalam unit ini' selain menyambung *legacy* yang sudah ada? Sehubungan dengan itu, Peramba/Saya ingin mengongsikan beberapa keutamaan yang Peramba/Saya ingin tekankan.

Sebagai benteng pertahanan dalam menjaga keamanan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam, Peramba/Saya ingin menekankan dua perkara utama yang memberikan impak kepada keupayaan ABDB iaitu pertama, **kesiapsiagaan aset gerakan** atau *operational asset readiness* dan kedua, tumpuan kepada **anggota**.

Dari segi aset, kita hendaklah sama-sama mengembling tenaga dan berusaha untuk meningkatkan **kesiapsiagaan aset gerakan** ABDB.

- Memandangkan kebanyakan aset ABDB sudah menjangkau usia yang lama, maka Peramba/Saya menyeru agar perancangan keupayaan akan datang melalui pengenalan keupayaan baru atau *Introduction of New Capabilities* dapat diteliti dengan mengambil kira akan cabaran-cabaran geostrategik yang lebih mencabar dan kompleks. Kita bukan sahaja memerlukan aset yang baru, tapi kita juga harus memikirkan akan *the way we fight in the future* atau cara operasi kita di masa akan datang. Ini memerlukan pendekatan dan pemikiran *outside the box* sambil mengekalkan keupayaan-keupayaan asas. Peramba/Saya percaya bahawa inisiatif *Force*

*Structure Review* atau FSR yang sedang giat dijalankan pada masa ini akan membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam.

- Di samping itu, setiap Angkatan Tentera haruslah memaksimumkan keupayaan aset dalam konteks Meningkatkan Keupayaan yang sedia ada atau *Enhancing Current Capabilities*. Usaha ini haruslah dijadikan projek bagi setiap Angkatan Tentera dalam meningkatkan keupayaan masing-masing, contohnya meningkatkan *firepower* dengan memakai platform atau aset yang sedia ada.
- Dari segi operasi masa kini, setiap Angkatan Tentera adalah disarankan untuk mengemaskinikan keupayaan yang sedia ada atau *Consolidating Current Capabilities*. Ini termasuklah mengemaskinikan konsep gerakan atau *Concept of Operations* (CONOPs), Doktrin, *Standard Operating Procedures* (SOPs) dan juga latihan.

Tiga strategi di atas iaitu pertama *Introducing New Capabilities*; kedua *Enhancing Current Capabilities* dan ketiga *Consolidating Current Capabilities* adalah pendekatan pengurusan keupayaan yang sangat relevan dan harus dipraktikkan dalam ABDB.

Melihat di luar ABDB, kita sedang berdepan dengan berbagai cabaran. Di dalam persekitaran operasi masa kini dan di dalam era

globalisasi, senario ancaman telah berubah dan menjadi *non-traditional* di dalam domain yang kontemporari.

Selain itu, perubahan yang cepat dan seiring dengan ledakan teknologi terutama sekali dalam era revolusi ke empat atau *4<sup>th</sup> Industrial Revolution* membawa kita untuk mencari pendekatan yang baru. Apa yang pasti ialah perubahan tidak dapat dielakkan atau *change is inevitable*. Sebagai sebuah institusi pertahanan, kita hendaklah peka dan responsif terhadap perubahan. Kita hendaklah sentiasa relevan dan adaptif terhadap perubahan ini dan bersedia untuk membawa ABDB menjadi sebuah Angkatan Tentera yang mahir dalam teknologi atau *a technology savvy armed forces*.

Di dalam persekitaran operasi masa kini, domain peperangan telah berubah dan semakin menjurus kepada *cyber warfare*. Ini membawa angkatan tentera untuk meningkatkan teknologi siber dan menjadikannya salah satu keupayaan teras. Sehubungan dengan itu, Peramba/Saya menyeru bagi kita untuk meneruskan inisiatif dan usaha dalam menubuhkan pertahanan siber atau *cyber defence* di ABDB.

Dalam memastikan ketersediaan aset operasi, **bantuan logistik** memainkan peranan yang penting. Tanpa logistik yang mantap, maka gerakan akan terjejas. Walau bagaimanapun, perkara yang paling penting di dalam konteks ABDB yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak adalah aspek perolehan. Ini termasuklah perolehan barang-barang alat ganti yang secara

langsung menjejaskan ketersediaan aset gerakan. Sehubungan dengan itu, Peramba/Saya menyeru agar semua pihak yang berkenaan akan lebih proaktif dalam menyelenggara pemeliharaan aset terutama sekali dalam memperbaiki proses perolehan. Ini memerlukan kerjasama yang rapat dengan kakitangan awam di Kementerian Pertahanan yang bertanggungjawab dalam memudahkan atau *facilitate* keperluan-keperluan ABDB. Selain daripada itu, kaedah-kaedah seperti *outsourcing*, perkhidmatan perolehan melalui kontrak dan sebagainya yang membantu memendekkan *lead time* perolehan perlu dikembangluaskan mengikut kesesuaian.

### **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

Fokus kedua Peramba/Saya ialah *people* atau **anggota**. Peramba/Saya percaya bahawa kualiti anggota adalah penyumbang utama dalam keutuhan ABDB dan juga perkembangannya di masa hadapan. Adalah komitmen Peramba/Saya kepada semua anggota ABDB yangmana Peramba/Saya InsyaAllah akan memimpin dengan sebaiknya dengan penuh saksama dan sentiasa peka akan perkembangan anggota. Ciri-ciri anggota ABDB yang Peramba/Saya hasratkan adalah anggota yang:

- Profesional dan berilmu pengetahuan,
- Sentiasa mempunyai tahap disiplin yang tinggi dan menjaga tata susila ketenteraan atau *regimentation*,
- Mempunyai kerohanian yang mantap dan secara tidak langsung menjadi perisai para anggota dari terjerumus kepada gejala kurang sihat,

- Sentiasa mempraktikkan nilai-nilai asas ABDB,
- Sentiasa menjadi *role-model* di dalam ABDB dan juga kepada masyarakat baik di dalam mahupun di luar negara.

Selain dari ciri-ciri tersebut, Peramba/Saya juga menekankan mengenai kesejahteraan anggota. Peramba/Saya menyeru kepada semua pucuk kepimpinan ABDB untuk sama-sama berusaha meningkatkan kesejahteraan anggota di bawah jagaan masing-masing. Ini kerana kesejahteraan anggota yang terjaga akan menyumbang kepada keberkesanan sesebuah organisasi. Pada masa yang sama, kita baru-baru ini telah melancarkan Pusat PRIHATIN ABDB yang mana ianya adalah hasil dari projek kajian Sosial dan Kesejahteraan ABDB yang telah dilaksanakan pada tahun ini. Pusat ini diharap menjadi sebagai *one-stop agency* dalam menangani isu-isu kesejahteraan anggota-anggota ABDB. Sehubungan dengan itu, Peramba/Saya menyeru kepada semua anggota supaya menggunakan pusat ini dengan sepenuhnya jika diperlukan. Selain daripada itu, anggota ABDB haruslah ada ruang untuk meluangkan masa bersama keluarga agar kita dapat mencapai *work-life balance* yang optimum dan memastikan kesejahteraan para keluarga adalah sentiasa terjamin.

### **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

Sebagai sebuah institusi keselamatan, kita haruslah peka akan hala tuju negara, terutama sekali peranan ABDB dalam menuju Wawasan Brunei 2035. Penglibatan ABDB dalam menuju Wawasan 2035



hendaklah seiring dengan kementerian dan agensi kerajaan lain terutama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang. Usaha kita haruslah bersepadu seperti mana yang selalu dilaungkan iaitu dengan *whole of government approach* dan seterusnya dengan cara *whole of nation approach*.

Di arena antarabangsa pula, ABDB akan terus komited dengan penugasan di luar negara. Dalam hubungan dua hala, kita juga akan terus komited meneruskan aktiviti-aktiviti yang terkandung di dalam hubungan tersebut. Peramba/Saya ingin menekankan supaya kesemua aktiviti ini dapat memberikan manfaat atau *benefit* terutama sekali dalam meningkatkan profesionalisme anggota ABDB.

### **Hadirin dan hadirat sekalian,**

Sebelum mengakhiri, dan pada hari yang bersejarah ini, marilah kita sama-sama berikrar untuk meningkatkan komitmen kita dalam ABDB.

- Marilah kita memperbaharui niat yang ikhlas dalam berjuang demi Raja, Agama dan Negara.
- Marilah kita bangkitkan semangat dan berusaha untuk memertabatkan ABDB dalam dan luar negara.
- Marilah kita sama-sama bertekad untuk menjadi anggota yang sentiasa mempamerkan disiplin dan integriti yang tinggi demi menjaga imej ABDB.

- Marilah kita sama-sama meningkatkan kerohanian agar semua tindak tanduk kita sentiasa dalam petunjuk Allah Subhanahu Ta'ala.

Inilah komitmen Peramba/Saya kepada ABDB dan seluruh warga ABDB. InsyaAllah Peramba/Saya akan berusaha untuk memberikan yang terbaik dalam menerajui ABDB demi mempertahankan keamanan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Peramba/Saya mengajak seluruh warga ABDB untuk memberikan sokongan dan bekerjasama dengan Peramba/Saya kerana tanpa sokongan semua, ABDB tidak akan mampu berkembang. Marilah bersama Peramba/Saya di dalam perjalanan ini atau *journey* untuk membawa ABDB ke arah kecemerlangan di masa akan datang InsyaAllah. Peramba/Saya juga berdoa agar semua warga ABDB sentiasa dalam iman, rahmat dan perlindunganNya dalam menjalankan tugas yang murni ini. Amin.

Akhir sekali marilah kita renung dan hayati pesanan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam petikan Khutbah Baginda yang terakhir pada 09 Zulhijjah tahun ke-10 Hijrah:

*"Ingatlah, bahawa kamu akan menghadap Allah pada suatu hari untuk dipertanggungjawabkan di atas segala apa yang telah kamu kerjakan. Oleh itu, awasilah agar jangan sekali-kali kamu terkeluar dari landasan kebenaran selepas ketiadaanku."*

Sekian,  
Wabillahit Taufiq Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.